

26 AUG 2001

Sakaran-Black Metal

SAKARAN MAHU UMAT ISLAM TINGKATKAN PENDIDIKAN AGAMA ANAK-ANAK

KOTA KINABALU, 26 Ogos (Bernama) -- Yang Dipertua Negeri Tun Sakaran Dandai meminta rakyat Sabah khususnya umat Islam supaya menekankan aspek pendidikan agama kepada golongan remaja dalam usaha membendung gejala sosial di negeri ini.

Beliau berkata ini perlu berikutan jumlah golongan remaja yang terbabit dalam kegiatan yang tidak bermoral kini semakin bertambah.

"Contohnya kewujudan gejala black metal dan pink metal yang bukan sahaja satu aliran yang menyesatkan serta memesongkan akidah tetapi mereka sanggup mempersendakan agama dan memuja syaitan," katanya ketika merasmikan perhimpunan agung tahunan Pertubuhan Islam Seluruh Sabah (Usia) ke-15, di Kompleks Haji Sabah, dekat sini, hari ini.

Sakaran berkata walaupun gejala black metal dan pink metal belum menular di Sabah tetapi umat Islam perlu berhati-hati dan berwaspada supaya ia tidak merebak dan menyesatkan generasi muda di negeri ini.

"Kita perlu mendampingi anak-anak kita, memberi perhatian, bimbingan serta kasih sayang kepada mereka.

"Semua ini harus dilakukan secara serius jika kita tidak ingin masyarakat kita hancur di masa-masa akan datang," kata beliau.

Beliau juga menggesa kepimpinan Usia supaya memperhebatkan aktiviti dakwah di Sabah bagi memastikan masyarakat Islam sentiasa mengamalkan ajaran agama sesuai dengan kehendak Al-Quran dan Sunnah.

Sakaran juga mengingatkan umat Islam supaya menguasai ilmu teknologi maklumat sebagai persediaan mengharungi cabaran dalam abad ke-21 ini.

"Dunia yang kita huni hari ini adalah dunia tanpa sempadan, dunia globalisasi yang penuh persaingan.

"Oleh itu, untuk mencapai kecemerlangan, kita perlulah mengikuti perkembangan teknologi khususnya teknologi maklumat serta mahir menggunakannya," katanya.

Selain itu, Sakaran berkata Umat Islam juga perlu mengekalkan perpaduan kerana ia merupakan satu syarat penting dalam mencapai kekuatan dan kemajuan.

-- BERNAMA

NT RHM